



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

***DRAF TEKS UCAPAN***

**YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**PROGRAM GERAK RAHMAH 2023: JOM BERSIH & INDAH**

**24 JUN 2023 | SABTU | 9.00 PAGI  
KRT UMA BELUR SUNGAI ASAP, BELAGA, SARAWAK**

## **SALUTASI**

**(Disediakan berasingan)**

Selamat Pagi, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk/ Ketua-ketua Jabatan/ Tuan-tuan/ Puan-puan dan hadirin yang saya hormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

- 1) Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berkumpul pada pagi ini di KRT Uma Belur Sungai Asap bersempena **Pelancaran Program Gerak Rahmah** kali keenam (ke-6), Jom Bersih & Indah. Semoga semua berada dalam keadaan sihat sejahtera.
  
- 2) Tahniah dan Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam **usaha bersepadu** antara kementerian/jabatan dan agensi serta ahli-ahli Kawasan Rukun Tetangga dan komuniti setempat. Tahniah juga kepada hadirin sekalian yang telah meluangkan sedikit masa untuk menghadiri majlis ini.

## **PROGRAM KEMBARA PERPADUAN GERAK RAHMAH MALAYSIA MADANI PERKASA AKTIVITI PERPADUAN**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

- 3) Pada 25 Februari 2023, Kementerian Perpaduan Negara telah memperkenalkan program GERAK RAHMAH yang merupakan suatu inisiatif di bawah program Komuniti Rahmah. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa, mempertingkat dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Pelaksanaannya pula diadakan secara **serentak** oleh KRT di **seluruh negara** yang melibatkan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pelbagai aspek/bidang seperti kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan sebagainya berdasarkan empat gerak kerja iaitu KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Bersih dan Indah dan KRT Sihat.
- 4) Sejak dilancarkan di Gemas, Negeri Sembilan dengan aktiviti pertama adalah program JOM SIHAT, kini, lebih 50% KRT di seluruh negara telah terlibat dalam setiap program GERAK RAHMAH yang dilaksanakan dan dijangkakan akan terus meningkat.
- 5) Saya juga gembira kerana program ini bukan hanya melibatkan ahli KRT sahaja tetapi turut melibatkan kerjasama **bersepadu** pelbagai agensi kerajaan, NGO dan swasta semasa pelaksanaannya. Terima kasih tuan-tuan dan puan-puan kerana sentiasa menyokong dan membantu menggerakkan aktiviti masyarakat demi perpaduan.

## **KRT sebagai agen transformasi perpaduan dan komuniti**

- 6) Justeru, saya ingin mengajak agar semua komuniti khususnya dalam kawasan KRT mengambil bahagian dan bergiat aktif dalam apa jua program yang dirancang oleh pihak Jabatan dan Kementerian. Pada masa ini, jumlah KRT sudah pun mencecah 8,348 kawasan di seluruh negara. Jika suatu kawasan kita anggarkan mempunyai bilangan isi rumah 1,500 orang setiap kawasan menjadikan jumlah ahli yang berada di kawasan Rukun Tetangga sahaja telah berjumlah sebanyak 13 juta orang. Jumlah ini menjadikan KRT sebagai agen perpaduan yang penting dalam komuniti selaras dengan *tagline* “**KRT sebagai TONGGAK PERPADUAN**”.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

## **JOM BERSIH & INDAH menyemarak semangat kejiranan**

- 7) Kalau kita imbas kembali, kehidupan berjiran suatu ketika dahulu, kita pasti mengenali setiap ahli keluarga dalam kejiranan kita, bergotong royong seperti hari ini dan menziarahi antara satu sama lain sewaktu meraikan perayaan atau apabila jiran ditimpa musibah. Pada hari ini, suasana sedemikian sudah jarang -jarang berlaku kerana kesibukan menguruskan kehidupan dan kerjaya masing-masing.
- 8) Jadi pelaksanaan aktiviti gotong royong seperti ini dapat menyemarakkan lagi semangat kejiranan dalam komuniti di

samping membersih dan mengindahkan kawasan kejiranan. Malah aktiviti ini juga dapat meningkatkan tahap kesedaran kita mengenai kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar dan mengelak penularan kes-kes demam denggi yang dilaporkan semakin meningkat pada ketika ini.

- 9) Selain aktiviti gotong royong, saya turut difahamkan bahawa pada hari ini terdapat juga **pemberian kotak RAHMAH** daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kepada golongan yang memerlukan. Saya berharap pemberian ini sedikit sebanyak dapat memberi bantuan kepada penerima.

## PENUTUP

- 10) Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dan yang telah bertungkus lumus mengadakan Program pada hari ini. Semoga amalan seperti ini berterusan dilaksanakan bukan sahaja di peringkat komuniti tetapi menjadi amalan diri dan keluarga kita setiap hari.
- 11) Dengan ini saya melancarkan **Program Gerak Rahmah 2023 Jom Bersih dan Indah Peringkat Kebangsaan** di KRT Uma Belor, Belaga, Sarawak.

Sekian, Terima Kasih.